Dokumen Meja Terkawal

*SEBUT HARGA DALAM TALIAN*

## MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

# DOKUMEN SEBUT HARGA

# (JILID 2/2)

## BAGI

## PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN, PEMBAIKAN, PENGGANTIAN DAN PEMASANGAN PEKAKASAN CCTV BAHARU BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

| | |
|---|---|
| NO. TENDER | MBSJ.KUB.400-5/6/421 |
| TARIKH BUKA | 12 JANUARI 2024 |
| TARIKH TUTUP | 26 JANUARI 2024 |
| MASA TUTUP | 12.00 TENGAHARI |

**DATUK BANDAR**
**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,**
**USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,**
**47610 SUBANG JAYA,**
**SELANGOR DARUL EHSAN**
www.mbsj.gov.my

## ISI KANDUNGAN


| BIL. | BUTIRAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1.0 | *RESPONSE TIME* | RT1 – RT2 |
| 2.0 | TERMA BAYARAN | TP1 |
| 3.0 | KADAR DENDA/PENALTI | KP1 |
| 4.0 | JAMINAN | JM1 |


## ARAHAN

Petender adalah DILARANG sama sekali meletakan tanda pengenalan syarikat atau apa jua maklumat berkaitan seperti cop syarikat, nama kakitangan syarikat atau tanda tangan pada mana-mana bahagian di dalam Jilid 2/2 ini.

Kegagalan petender untuk mengikuti arahan sedemikian boleh menyebabkan penyertaan di dalam Sebut harga ini **TERBATAL**.

Dokumen Meja Terkawal

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**1.0 *RESPONSE TIME* –SPESIFIKASI WAJIB**

- Wajib mengisi ruang yang disediakan . Sekiranya Petender tidak lengkap mengisi ruang yang disediakan, penilaian ke atas sebut harga ini akan terjejas dan tidak akan dipertimbangkan.

| BIL | BUTIRAN | TEMPOH/ CADANGAN |
|---|---|---|
| A | **KERJA PENYENGGARAAN PERKAKASAN CCTV** | |
| 1. | **Tempoh Siap Kerja**<br><br>Petender perlu menyelesaikan aktiviti penyenggaraan dan menyediakan laporan penyenggaraan mengikut tempoh maksimum seperti berikut :<br>i) Ibu Pejabat MBSJ : **EMPAT minggu**<br>ii) Pejabat Cawangan MBSJ : **LIMA minggu**<br>iii) CCTV mudah alih : **TIGA minggu** | |
| B | **PEMBAIKKAN DAN PENGGANTIAN PERKAKASAN CCTV** | |
| 1. | **Tempoh Maklumbalas**<br><br>Masa yang diambil untuk melaksanakan pemeriksaan dan tindakan penyelesaian masalah awalan di tapak serta mengemukakan laporan cadangan pembaikkan/ penggantian secara bertulis ( *service report).*<br><br>Tempoh adalah **24 jam** dari tarikh aduan dikeluarkan. | |
| 2 | **Tempoh Siap Kerja**<br><br>i) Masa diambil untuk melaksanakan tindakan pembaikkan dan penggantian perkakasan CCTV sehingga siap sempurna dan berfungsi dengan baik serta mendapat perakuan/ pengesahan pegawai MBSJ. | |

| BIL | BUTIRAN | TEMPOH/ CADANGAN |
|---|---|---|
| | ii) Tempoh Siap kerja adalah mengikut jenis kategori kerosakan seperti berikut: | |

| Jenis Kerosakan | Tempoh Siap Kerja |
|---|---|
| Tiada Paparan Gambar Dapat Dilihat Pada Kamera CCTV | 24 jam |
| Kerosakan pada sistem DVR/NVR | 24 jam |
| Sistem pemantauan CCTV pada *workstation* tidak berfungsi | 48 jam |
| Paparan gambar CCTV tidak memuaskan | 48 jam |
| Tiada rakaman kamera dapat dilihat semula *(playback)* | 48 jam |

| BIL | BUTIRAN | TEMPOH/ CADANGAN |
|---|---|---|
| | iii) Sekiranya berlaku **kelewatan** , satu makluman melalui surat atau emel perlu dikeluarkan oleh petender kepada pihak MBSJ dalam tempoh 24 jam dari tarikh Tempoh Siap Kerja. | |
| C | **PEMASANGAN PERKAKASAN CCTV BAHARU** | |
| i | **Kamera CCTV Analog dan Network Kamera CCTV**<br><br>Tempoh siap kerja adalah **10 hari** bekerja dari tarikh Permohonan Pemasangan CCTV melalui emel/ surat oleh MBSJ. | |
| ii | **Kamera CCTV Mudah Alih**<br><br>Tempoh siap kerja adalah 3 hari bekerja dari tarikh Permohonan Pemasangan CCTV melalui emel/ surat oleh MBSJ. | |
| D | **PENGALIHAN CCTV MUDAH ALIH**<br><br>Pengalihan kamera dari lokasi asal ke lokasi baru perlu diselesaikan di dalam tempoh 3 hari. | |

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**2.0 TERMA PEMBAYARAN**

| BIL | BUTIRAN |
|---|---|
| 1. | **Terma Pembayaran**<br><br>Terma-terma pembayaran adalah tertakluk kepada keputusan pihak MBSJ. Antara terma-terma pembayaran tersebut adalah seperti berikut:<br><br>• Setiap tuntutan pembayaran perlu mengemukakan laporan secara bertulis/ bergambar dan ditandatangani oleh pihak kontraktor dan MBSJ.<br>• Mengisi Borang Akuan Siap Kerja MBSJ. |
| 2. | **<u>Kerja –Kerja Penyenggaraan Perkakasan CCTV:</u>**<br><br>Pembayaran adalah secara berperingkat mengikut :<br><br>Selesai melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan dan menyediakan laporan penyenggaraan beserta gambar yang lengkap dan diperakui/ disahkan oleh MBSJ. |
| 3. | **<u>Kerja Pembaikan Dan Penggantian Perkakasan CCTV Baharu</u>**<br><br>Pembayaran adalah secara berperingkat mengikut :<br><br>Kerja-kerja pembaikkan dan penggantian perkakasan yang telah dilaksanakan perlu mendapat perakui/ disahkan oleh wakil MBSJ. |
| 4. | **<u>Kerja Pemasangan Perkakasan CCTV Baharu</u>**<br><br>Pembayaran adalah secara berperingkat mengikut :<br><br>Kerja-kerja pemasangan perkakasan CCTV yang baharu telah mendapat perakui/ disahkan oleh wakil MBSJ , beserta dengan laporan bergambar, senarai inventori dan pengesahan pengguna (*User Acceptance Test*). |
| 5. | **<u>Pengalihan CCTV Mudah Alih</u>**<br><br>Pembayaran adalah secara berperingkat mengikut :<br><br>Kerja-kerja pengalihan kamera CCTV telah mendapat perakui/ disahkan oleh wakil MBSJ , beserta dengan laporan bergambar dan pengesahan pengguna (*User Acceptance Test*). |
| 6. | Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada keputusan MBSJ. |

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**3.0 KADAR DENDA/PENALTI**

| BIL | BUTIRAN |
|---|---|
| | **Kadar Penalti** |
| 1. | Penalti akan dikenakan sekiranya petender gagal mematuhi **Perkara 1.0 *Response Time.*** |
| 2. | Syarikat boleh dikenakan denda seperti berikut mengikut kes (merujuk PK 4.2 Perkara 9.10.3 (a) dan (b)) :<br><br>(a) Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Majlis boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada mengikut formula berikut :<br><br>$\frac{V\ (\ T + D\ )}{T} \times 5\%$<br><br>V : Nilai harga barang yang lewat dibekalkan;<br><br>T : Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan<br><br>D : Bilangan hari yang lewat<br><br>(b) Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada MBSJ dengan menggunakan formula berikut :-<br><br>(BLR + 1%) x (Nilai Kontrak / 365) x (bilangan hari lewat) |

Dokumen Meja Terkawal



## 4.0 JAMINAN

| BIL | BUTIRAN |
|---|---|
| 1 | Tempoh jaminan bagi perkakasan CCTV adalah selama satu (1) tahun bermula daripada tarikh siap kerja yang telah perakui/ disahkan oleh pegawai MBSJ. |
| 2 | Petender akan memberi jaminan bahawa perkakasan tersebut adalah perkakasan baru dan berada dalam keadaan baik dan bebas daripada sebarang kerosakan dan kecacatan dari segi pembuatan dan reka bentuk. |
| 3 | Petender perlu bertanggungjawab untuk mengambil tindakan pembaikan/ penggantian sekiranya terdapat kerosakan ke atas perkakasan yang telah diganti sepanjang tempoh Jaminan perkakasan, dan segala kos yang berkaitan adalah ditanggung oleh petender. |